

Pemasyhuran Canselor Baharu Pembuka Majlis Konvokesyen Ke-30

Unit Komunikasi Korporat

Fri 11/3/2017 3:58 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc: Staf - Pesara UUM <pesaranet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



03 NOVEMBER 2017 / 14 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PEMASYHURAN CANSELOR BAHARU PEMBUKA MAJLIS KONVOKESYEN KE-30





UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Majlis Konvokesyen Ke-30 UUM sekali lagi melakar sejarah apabila Sultan Kedah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah akan dimasyhurkan sebagai Canselor UUM baharu pada sesi pertama 18 November nanti.

Kemudian, diikuti penganugerahan ijazah kepada 5,935 graduan sepanjang majlis berlangsung selama lima hari berturut-turut mulai 18 hingga 22 November di Dewan Mu'adzam Shah.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, majlis konvokesyen ini terdapat lapan (8) sesi melibatkan seramai 5,935 graduan terdiri daripada 4,439 graduan Sarjana Muda dan 1,496 adalah graduan pasca siswazah melibatkan 301 graduan Ijazah Doktor Falsafah; Doktor Pengurusan (4) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan (29); Ijazah Sarjana (1,107) dan Diploma Siswazah Dalam Pendidikan (55).

Selain itu, menurutnya, UUM turut menganugerahkan dua tokoh dengan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah iaitu Pengasas dan Pengarah Urusan Epic Valley Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Dato' Paduka Dr Fng Ah Seng (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Tanggungjawab Sosial Korporat) dan Cef terkenal, Datuk Redzuawan Ismail (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Seni Kulinari).

"Turut menerima ijazah pada majlis konvokesyen ini adalah graduan VVIP seperti Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Seri Ismail Abd Muttalib; ADUN Serom, Abd Razak Minhat; Ahli Parlimen Kangar, Shahrudin Ismail dan Presiden Angkasa, Dato' Abdul Fattah Abdullah.

"Pada hari tersebut juga, kita akan menyaksikan 27 graduan sulung dari empat program peringkat Sarjana dan Sarjana Muda, selain 664 graduan menerima 30 anugerah utama universiti," ujar beliau.

Bagi memeriahkan lagi Majlis Konvokesyen, UUM turut menganjurkan Pesta Konvokesyen dengan tema Mahasiswa Tonggak Transformasi Nasional akan berlangsung dari 15 hingga 22 November 2017 mulai jam 9 pagi hingga 11 malam di Tapak Ekspo, Padang Kawad PALAPES dan sekitar UUM.

Sebanyak 248 gerai jualan akan dibuka disusuli aktiviti seperti Pertandingan Pidato Pesta Konvo yang melibatkan pelajar antarabangsa, Talkshow Bersama Ustaz Haslin Bollywood, Konsert Artis Warner Music, Malam Bintang Konvo, Rhythm of Champion (ROC) 2017, Fame of Retro Night dan perlawanan bola sepak Kelab Elit Media Kedah vs Pilihan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.